

PM: BN positif menang pilihan raya akan datang

LUM 1 MAR 2002

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Barisan Nasional (BN) positif akan menang dalam pilihan raya akan datang walaupun pihak pembangkang sering mendakwa BN akan tewas setiap kali pilihan raya diadakan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keyakinan ini jelas apabila BN menang dengan majoriti besar pada pilihan raya 1999 walaupun pembangkang mengatakan BN akan kalah.

Dr. Mahathir juga menolak andaian bahawa pilihan raya yang sepatutnya berlangsung pada 2004 akan dipercepatkan kepada 2003 sambil menyifatkan ia sebagai ramalan yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang.

"Saya belum pernah merancangkan perkara ini, hal ini hanya diuar-uarkan oleh pihak pembangkang yang sentiasa memikirkan soal pilihan raya saja," katanya ketika diwawancara oleh stesen televisyen satelit *Al-Jazeera* dalam program 'Tanpa Sempadan' yang disiarkan secara langsung dari London, pagi ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai persediaan BN menghadapi pilihan raya akan datang di sebalik pendapat para pemerhati bahawa perpecahan akan melanda BN menjelang pilihan raya.

Pada wawancara itu Dr. Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan bertanding pada pilihan raya 2004.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau belum membuat keputusan sama ada akan bertanding atau sebaliknya dan akan mendapatkan pandangan ahli-ahli parti lain apabila tiba masanya kelak.

"Seandainya mereka mengkehendaki saya mengundurkan diri, saya akan berbuat demikian dan seandainya jika mahukan saya kekal, saya akan meneruskan tugas saya," katanya.

Pada wawancara itu, Perdana Menteri turut ditanya sama ada kejayaan Malaysia sebagai negara Islam menyebabkan negara-negara Barat cuba memerangi dan menghapuskan kejayaan yang telah dicapai.

Dr. Mahathir berkata, se-

rangan seumpama itu bukan disebabkan Malaysia adalah negara Islam tetapi kerana pendirian kerajaan yang jelas dan keberanian mengkritik sama ada negara yang kuat atau lemah.

"Kami sentiasa mengkritik mereka, oleh kerana itu banyak media Barat tidak suka kepada Malaysia," katanya.

Mengenai kegagalan ASEAN membantu negara anggota ketika krisis ekonomi pada tahun 1997 sehingga mereka terpaksa mendapat bantuan Jepun dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kata Dr. Mahathir, keadaan itu berlaku kerana ramai yang mencari jalan mudah untuk keluar dari masalah.

Katanya, Malaysia telah menolak untuk meminjam daripada IMF dan melaksanakan strategi sendiri dan pendirian itu telah memberi kebebasan kepada Malaysia untuk melaksanakan yang terbaik demi negara sendiri.